

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**KAWASAN : TANJONG MALIM**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk menyempurnakan projek pembinaan jalan baru dari Kuala Slim ke Felda Gunung Besout yang sepatutnya siap pada tahun 2010.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jalan baru dari Kuala Slim ke Felda Besout 1 di Batang Padang, Perak telah dimulakan pada bulan Julai 2008 dan sepatutnya siap pada bulan Julai 2010. Walau bagaimanapun, kontrak projek ini telah ditamatkan pada bulan September 2012 – iaitu selepas 3 kali Tempoh Lanjutan Masa [EOT] diluluskan JKR – berikutan daripada masalah kelemahan yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Sehubungan, itu JKR telah melantik kontraktor yang baru pada bulan Februari 2013 bagi meneruskan baki kerja yang terbengkalai itu. Pada masa kini kemajuan kerja di tapak telah mencapai kemajuan fizikal 55% dan projek ini dijangka akan siap keseluruhannya pada akhir tahun ini (2014).

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN**  
**KAWASAN : TANJONG MALIM**

**SOALAN:**

**YB. DATO' SERI ONG KA CHUAN (TANJONG MALIM)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tentang status jalan baru dari Ulu Slim ke Raub sejauh 18km kerana jalan ini bukan sahaja menjadi pemangkin eko pelancongan di kawasan sekitar tetapi juga memendekkan perjalanan dari Timur ke Utara Semenanjung.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan membina jalan baru yang menghubungkan Ulu Slim, Perak ke Raub, Pahang merupakan antara salah satu projek baru yang dicadangkan oleh Laporan Pelan Induk Rangkaian Pembangunan Jalan Raya, Semenanjung Malaysia (HNDP), terbitan tahun 2008.

Kementerian ini telah mengemukakan permohonan kepada Agensi Pusat untuk mendapatkan kelulusan bagi menjalankan Kajian Kemungkinan projek berkenaan terlebih dahulu dalam Rolling Plan ke-4 (2015), RMKe-10. Skop kajian tersebut merangkumi kajian trafik, gunatanah, impak sosial, sosio ekonomi, impak alam sekitar dan rekabentuk kejuruteraan awalan. Anggaran kos kajian ini ialah sebanyak RM3 juta. Kajian tersebut dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2015, tertakluk kepada kelulusan dari Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.